Mohd Fakry bin Sidek lwn Mohamad Kusini bin Johari dan lain-lain

MAHKAMAH TINGGI (KUALA LUMPUR) — GUAMAN NO 21NCVC-10–02 TAHUN 2014
ROSILAH YOP H
30 OKTOBER 2014

Ganti rugi — Tuntutan — Tuntutan terhadap ganti rugi am, khas, teladan dan teruk — Plaintif didakwa telah berkhalwat dan cuba melarikan diri — Sama ada Penguatkuasa Agama telah menggunakan kekerasan dalam menjalankan tangkapan — Sama ada khalwat telah terbukti — Sama ada plaintif menentang usaha untuk menangkapnya — Sama ada terdapat pendakwaan berniat jahat — Sama ada pegawai-pegawai Penguatkuasa Agama telah menyebabkan atau telah secara materialnya menyumbang kepada kecederaan-kecederaan, kehilangan, dan/atau ganti rugi yang dituntut oleh plaintif — Akta Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997 s 27(a)

Menurut kes plaintif, dia telah menerima panggilan daripada rakannya ('Norfarini') tentang serbuan pihak penguatkuasa Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan ('JAWI') ke atas kuarters yang diduduki oleh Norfarini. Plaintif terus memandu ke kuarters tersebut dan setibanya dia di sana, plaintif didatangi oleh defendan pertama, kedua, ketiga dan keempat yang mana kesemuanya telah menuduh plaintif berkhalwat dengan Norfarini sedangkan Norfarini berada di tingkat 4. Defendan pertama hingga keempat dikatakan telah memaksa plaintif untuk naik ke atas rumah tersebut dengan menggunakan kekerasan fizikal. Plaintif juga mendakwa diseret keluar ke atas jalan raya. Defendan pertama hingga keempat dikatakan menggunakan kayu dan senjata tajam terhadap plaintif selain mengetuk dinding dan cermin kereta plaintif menyebabkan tercalar dengan teruk. Plaintif pada ketika itu enggan menurut arahan defendan pertama hingga keempat dan oleh kerana itu, plaintif dihantar ke Balai Polis Putrajaya dalam keadaan tangan bergari dan dimasukkan ke dalam lokap dalam keadaan tercedera dan tanpa mengetahui sebab-sebab ditahan dan juga dituduh khalwat. Plaintif kemudiannya didakwa di Mahkamah Tinggi Syariah Putrajaya untuk satu pertuduhan berkhalwat di bawah s 27(a) Akta Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997 ('Akta'). Defendan Keenam dan Ketujuh, di atas kapasiti mereka sebagai Pendakwaraya Syarie dan Ketua Pendakwaraya Syarie, adalah pihak yang memulakan, menjalankan dan meneruskan prosiding pendakwaan terhadap plaintif. Pihak Mahkamah Tinggi Syariah Putrajaya telah membatalkan pertuduhan terhadap plaintif kerana pihak pendakwaraya syarie memohon menarik balik pertuduhan tersebut dan tidak berniat untuk

meneruskan pendakwaan terhadap plaintif. Plaintif telah mengalami beberapa kecederaan fizikal akibat daripada kekerasan defendan-defendan. Plaintif juga telah dibatalkan perjanjian menduduki kuarters kerajaan dan telah disenarai hitamkan untuk memohon kuarters yang lain selepas ini. Plaintif kerugian wang dan masa yang banyak untuk membayar khidmat peguam syarie serta menumpukan perhatiannya kepada kesnya di Mahkamah Tinggi Syariah Wilayah Persekutuan bagi menjawab pertuduhan khalwat yang pada akhirnya didapati tidak lain hanyalah satu pendakwaan berniat jahat yang telah dikenakan terhadapnya. Justeru, plaintif menuntut terhadap defendan-defendan secara bersesama dan berasingan untuk, antara lain, ganti rugi-ganti rugi am, teladan dan teruk. Defendan-defendan menafikan tuntutan plaintif dan menegaskan bahawa tindakan defendan pertama, kedua, ketiga dan keempat semasa tangkapan adalah sah di sisi undang-undang. Selanjutnya defendan-defendan menegaskan bahawa pendakwaan yang dijalankan oleh defendan keenam ke atas plaintif adalah sah di sisi undang-undang. Tangkapan telah dibuat atas maklumat yang diterima oleh pihak JAWI di mana terdapat satu pasangan yang bersekedudukan/berkhalwat. Sebelum tangkapan dibuat, pemerhatian telah dijalankan dan defendan pertama, kedua, ketiga, keempat dan beberapa penguatkuasa agama yang lain telah pergi ke lokasi yang diarahkan dan mengetuk pintu rumah. Setelah hampir setengah jam menunggu, pintu rumah telah dibuka oleh seorang perempuan yang kemudiannya dikenali sebagai Norfarini. Selepas memperkenalkan diri dan meminta izin untuk masuk ke rumah tersebut, penguatkuasa agama yang bertugas telah masuk untuk membuat pemeriksaan di alamat rumah tersebut. Semasa pemeriksaan dibuat, terdapat pas kerja tertulis nama 'Mohd Fakry'. seutas jam tangan lelaki dan segugus kunci di atas meja di ruang tamu. Selain itu, beberapa helai pakaian lelaki dijumpai di bilik tidur utama rumah tersebut. Semasa ingin memasuki bilik tidur kedua, didapati bilik tersebut berkunci dari dalam. Apabila diarahkan, Norfarini mengambil masa yang lama untuk membuka pintu. Setelah pintu dibuka, didapati tingkap di bilik tidur tersebut dalam keadaan terbuka. Selain itu, didapati palang besi di luar rumah kelihatan bengkok. Defendan kedua terus turun ke bawah untuk mencari plaintif kerana mengesyaki beliau telah turun melalui tingkap yang terbuka tersebut. Setiba di luar lobi, defendan kedua melihat plaintif sedang memandu kereta Perodua Viva. Defendan kedua terus membuat isyarat tangan untuk memberhentikan kereta yang dipandu plaintif. Plaintif enggan turun dari kereta apabila diminta berbuat demikian. Kemudiannya defendan keempat yang tiba di situ telah membuka pintu di sebelah penumpang dan mendapati plaintif tidak memakai selipar/kasut. Selepas plaintif keluar dari kereta, dia bertindak agresif menyebabkan berlaku pertengkaran. Plaintif telah menyerang defendan pertama dan cuba dileraikan oleh Penguatkuasa Agama yang lain sehingga menyebabkan plaintif dan defendan kedua yang berada berdekatan dengan plaintif terjatuh ke atas jalan raya. Selepas tangkapan dibuat ke atas plaintif, dia dibawa ke Balai Polis Putrajaya manakala Norfarini pula dibawa ke pejabat Jabatan Agama Islam

A B C D E F G H I

Wilayah Persekutuan Putrajaya. Plaintif dan Norfarini ditahan di bawah s 27 Akta. Isu-isu yang timbul untuk pemutusan mahkamah adalah sama ada defendan-defendan dan/atau salah satu daripada mereka telah menggunakan kekerasan yang tidak sewajarnya sebagai penguatkuasa agama serta melanggar peruntukan s 14(1) Akta Tatacara Jenayah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997 dalam membuat tangkapan terhadap plaintif; Sama ada plaintif telah menentang usaha untuk menangkapnya; sama ada tindakan defendan-defendan dalam menuduh dan mendakwa dan menarik balik pertuduhan memenuhi unsur-unsur pendakwaan berniat jahat; sama ada defendan-defendan dan/atau salah satu darinya telah menyebabkan atau telah secara materialnya menyumbang kepada kecederaan-kecederaan, kehilangan, dan/atau ganti rugi yang dituntut oleh plaintif; sama ada segala kerugian, kecederaan dan kehilangan yang didakwa dialami oleh plaintif disumbangkan secara keseluruhan atau secara substantial oleh perbuatan plaintif sendiri.

Diputuskan, menolak tuntutan dengan kos:

(1) Plaintif hanya mengemukakan testimoni 'self-serving' bagi proses melaksanakan tangkapan ke atas dirinya. Testimoni tersebut perlu disokong oleh keterangan daripada saksi-saksi plaintif yang lain atau dokumen-dokumen menyokong daripada plaintif untuk memberi jaminan tentang kebolehpercayaan keterangan plaintif. Tanpa keterangan yang disokongkan, manfaat keraguan harus diberikan kepada defendan-defendan. Keterangan defendan pertama, kedua, ketiga dan keempat saling sokong menyokong antara satu sama lain yang plaintif bertindak enggan keluar daripada kereta dan enggan memberi kerjasama. Tidak ada sebab untuk mahkamah ini tidak mempercayai keterangan yang saling sokong menyokong antara defendan pertama hingga keempat tersebut. Kredibiliti mereka tidak pernah dipersoalkan (lihat perenggan 39–,41 & 44).

(2) Dengan pihak defendan-defendan menarik plaintif keluar daripada keretanya untuk melaksanakan tangkapan, ini bukanlah kekerasan atau tindakan luar lazim malahan ia merupakan suatu tindakan yang munasabah dalam situasi plaintif yang agresif dan melawan.Defendan-defendan terpaksa menggunakan segala langkah perlu dengan menarik plaintif keluar daripada keretanya untuk melaksanakan tangkapan. Plaintif juga telah menggunakan kekerasan dengan menyerang defendan pertama apabila keluar daripada keretanya sebelum dia ditangkap oleh pihak defendan-defendan (lihat perenggan 47 & 53).

(3) Defendan-defendan tidak melanggar apa-apa peruntukan terutamanya peruntukan s 10 Akta Tatacara Jenayah Syariah untuk melaksanakan tangkapan ke atas plaintif. Defendan-defendan telah melakukan

langkah-langkah perlu untuk menangkap plaintif mengikut s 10, Akta Tatacara Jenayah Syariah tersebut (lihat perenggan 54).

(4) Dari keterangan yang dikemukakan oleh pihak plaintif, tidak ada iota keterangan yang menunjukkan bahawa pendakwaan ke atas plaintif adalah dengan niat jahat (*malice*) daripada pihak defendan-defendan. Dengan itu, apa-apa kerugian yang dialami oleh plaintif berbangkit dari pendakwaan tersebut tidak boleh dikatakan satu kerugian yang disebabkan oleh pihak defendan-defendan (lihat perenggan 73–74).

(5) Apa-apa kecederaan yang dialami oleh plaintif bukanlah merupakan sumbangan oleh perbuatan defendan-defendan kepada plaintif. Kecederaan-kecederaan tersebut telah berlaku atas perlakuan plaintif sendiri yang mana telah dibuktikan oleh defendan-defendan di dalam keterangan mereka yang disokong antara satu sama lain terutamanya keterangan defendan pertama hingga keempat. Tidak ada apa-apa sumbangan liabiliti daripada defendan-defendan yang menyebabkan kecederaan ke atas plaintif (lihat perenggan 76–77).

(6) Dari keterangan yang dikemukakan dan diakui oleh plaintif, dia pernah ditangkap dan dituduh berkhalwat dengan Nurfarini pada tahun 2009. Dengan perbuatan khalwat pada tahun 2009 yang diakuinya dan sekali lagi dia dituduh dengan perbuatan khalwat walaupun pertuduhan ditarik balik, dia adalah seorang yang tidak ada reputasi yang baik berkaitan dengan khalwat ini dengan itu dia tidak wajar untuk diberi ganti rugi. Tindakan defendan-defendan membuat tuduhan khalwat ke atas plaintif adalah berasas pada prinsip undang-undang yang sah maka tidak ada meritnya untuk plaintif menuntut untuk kehilangan reputasi dalam tindakan ini (lihat perenggan 82–83).

(7) Adalah tidak berasas untuk plaintif menuntut kerugian wang dan masa kerana pendakwaan yang dibuat ke atasnya dibuktikan bukanlah berniat jahat. Plaintif tidak alami kecederaan dari segi emosi dan mental serta kerugian akibat perbuatan defendan-defendan yang salah di sisi undang-undang. Adalah tidak wajar untuk plaintif diawadkan dengan ganti rugi teladan. Tidak ada sebab yang mewajarkan untuk mahkamah mengawadkkan ganti rugi teruk kepada plaintif. Plaintif gagal membuktikan tuntutannnya terhadap defendan-defendan (lihat perenggan 89).

[English summary

According to the plaintiff, he had received a call from his friend ('Norfarini') about the raid by the authorities of Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan ('JAWI') at the quarters resided by Norfarini. The plaintiff drove to the said quarters and upon arriving there, the plaintiff was approached by the first, second, third and fourth defendants who had all accused the plaintiff of being in close proximity with Norfarini even though Norfarini was on the fourth

floor. The first to fourth defendants had allegedly forced the plaintiff to go up her house using physical force. The plaintiff also claimed to have been dragged out on the road. The first to fourth defendants allegedly used wood and sharp objects against the plaintiff aside from smashing the plaintiff's car and its glass causing it to be badly scratched. The plaintiff, at the time, did not comply with the first to fourth defendants' orders and subsequently, the plaintiff was sent to the Putrajaya Police Station with his hands cuffed and was sent to lock-up in the condition of being hurt and without knowing reasons why he was arrested and charged for close proximity. The plaintiff was then charged in the Syariah High Court Putrajaya for the charge for an offence of close proximity under s 27(a) of the Syariah Criminal Offences Act (Federal Territories) 1997 ('the Act'). The sixth and seventh defendants, in their capacities as Syariah Prosecutor and Syariah Chief Prosecutor, were the parties that commenced, initiated and proceeded with the prosecution proceeding against the plaintiff. The Syariah High Court of Putrajaya had struck off the charge against the plaintiff as the Syariah Prosecutor had withdrew the charge and did not plan to proceed with the charge against the plaintiff. The plaintiff suffered a few physical injuries due to the use of force by the defendants/the plaintiff was also cancelled out from residing at government quarters and was blacklisted from applying for other quarters after this. The plaintiff lost a huge amount of money and time to pay for the services of the Syariah lawyer and focused his case on the Syariah High Court of Federal Territories to answer the charge of close proximity against him. Hence, the plaintiff claimed against defendants jointly and individually for, inter alia, general, exemplary and aggravated damages. The defendants denied the plaintiff's claim and averred that the first, second, third and fourth defendants' act during the arrest was valid. Further, the defendants averred that the arrest carried out by the sixth defendant on the plaintiff was valid. The arrest was made upon information received by JAWI where a couple was cohabitating/staying in close proximity. Before the arrest was made, observation was made and the first, second, third and fourth defendants and a number of religious officers had went to the location and knocked on the door. After almost half an hour waiting, the door was opened by a female who was later known as Norfarini. After introducing themselves and seeking permission to enter the house, the religious authority on duty entered the house to inspect the address of the house. While the investigation was being carried out, a working bearing the name 'Mohd Fakry'. a male watch and a bunch of keys were found on the table at the living room. Aside from that, a few articles of male clothing were discovered at the master bedroom of the house. When he was about to enter the second bedroom, the room was discovered to have been locked from inside. When instructed, Norfarini took a long time to open the door. After the door was open, the window of the bedroom was open. Aside from that, the steel bars of the windows were crooked. The second defendant immediately went downstairs to find the plaintiff as he had suspected that he had went down using the open window. Upon arriving at the lobby, the second defendant saw the plaintiff driving a

Perodua Viva. The second defendant made a hand signal to stop the car driven by the plaintiff. The plaintiff refused to get down from the car when asked to do so. Next, the fourth defendant who arrived at the scene opened the passenger's door and found that the plaintiff was not wearing slippers/shoes. After the plaintiff came out of the car, he acted aggressively causing a quarrel to ensue. The plaintiff attacked the first defendant and the other religious officers tried to resolve it causing the plaintiff and the second defendant, who was standing near the plaintiff to fall on the road. After arrest was made on the plaintiff, he was brought to the Putrajaya Police Station while Norfarini was brought to JAWI office. The plaintiff and Norfarini were arrested under s 27 of the Act. The issues that arose for the court's determination were whether the defendants and/or one of them had exercised undue force as religious officers and had breached provision s 14(1) of the Syariah Criminal Procedures Act (Federal Territories) 1997 in making an arrest on the plaintiff; whether the plaintiff had defied the attempts to arrest him; whether the defendants act of accusing and charging and withdrawing the charge fulfilled the ingredients of malicious prosecution; whether the defendants and/or one of them had caused or had materially contributed to the injuries, lossess and/or damages claimed by the plaintiff; whether all the damages, injuries and losses claimed to have been suffered by the plaintiff were contributed wholly or substantially by the plaintiff's own doing.

Held, dismissing the claim with costs:

(1) The plaintiff had adduced a self-serving testimony for the process of arresting him. The testimony must be corroborated by evidence from the plaintiff's other witnesses or supporting evidence from the plaintiff to ensure the credibility of the plaintiff's evidence. Without a corroborating evidence, the benefit of the doubt must be given to the defendants. The first, second, third and fourth defendants' evidence on the plaintiff's act of refusing to leave the car and cooperate corroborated with one another. There was no reason for this court to not accept the evidence that corroborated with one another between the first to fourth defendants. Their credibility was not questioned (see paras 39, 41 & 44).

(2) The defendants' act of pulling the plaintiff out from his car to carry out the arrest was not force or an exceptional act but it was a reasonable act in a situation where the plaintiff was aggressive and defensive. The defendants had to employ every necessary step to pull the plaintiff out from the car carry out the arrest. The plaintiff too had employ force by attacking the first defendant when he left the car before he was arrested by the defendants (see paras 47 & 53).

(3) The defendants did not breach any provisions especially s 10 of the Syariah Criminal Procedure Act to carry out the arrest on plaintiff. The defendants had taken necessary steps to arrest the plaintiff under s 10 of

A the Syariah Criminal Procedure Act (see para 54).

(4) Based on the evidence adduced by the plaintiff, there was not an iota of evidence to show that the prosecution of the plaintiff was malicious on the part of the defendants. Hence, any losses suffered by the plaintiff arising from the prosecution could not be said to be a loss caused by the B defendants (see paras 73–74).

(5) Any injuries suffered by the plaintiff were not contributed by the defendants' acts. The injuries were said to have been caused by the plaintiff's own doing, as proven by the defendants in their evidence C corroborated by one another, especially the first to fourth defendants. There was no contributory liability by the defendants which had caused injuries to the plaintiff (see paras 76–77).

(6) Based on the evidence and as admitted by the plaintiff himself, he was caught and charged for being in close proximity with Nurfarini in 2009. D With the act of being in close proximity which he had admitted to and again he was charged for the same offence even though the charge was withdrawn, he was someone with a bad reputation with regard to the offence and hence he should not compensated. The defendants' act of charging the plaintiff for being in close proximity was based on a valid act E and therefore, there was no merit for the plaintiff to claim for loss of reputation in this action (see paras 82—83).

(7) It was baseless for the plaintiff to claim for loss of money and time as the charge made against him was not made out of malice. The plaintiff did F not suffer any emotional or mental injuries or any losses as a result of the defendants' act. It was not reasonable for the plaintiff to be awarded with exemplary damages. There was no reason that warranted the court to award aggravated damages to the plaintiff. The plaintiff failed to prove his claims against the defendants (see para 89).]]

G

Nota-nota

Untuk kes-kes mengenai ganti rugi, lihat 6 *Mallal's Digest* (4th Ed, 2014 Reissue) perenggan 271–382.

H **Kes-kes yang dirujuk**

Ashby Construction Sdn Bhd v Bank Negara Malaysia [2014] 5 CLJ 955, MT (dirujuk)

Cassell & Co Ltd v Broome & Another [1972] AC 1027, HL (dirujuk)

Glinski v Mciver [1962] AC 726, HL (dirujuk)

I *Herniman v Smith* [1938] AC 305, HL (dirujuk)

Ashley v Chief Constable of Sussex Police (Sherwood intervening) [2008] 2 WLR 975, HL (dirujuk)

Lim Chee Kuo v The Pacific Bank Bhd [1997] MLJU 472; [1999] 1 CLJ 270, MT (dirujuk)

Yew Wan Leong v Lai Kok Chye [1990] 2 MLJ 152, MA (dirujuk)
Anne Lim Keng See v The New Straits Times Press (M) Bhd & Anor [2008] 3 MLJ 492; [2008] 3 AMR 663, MR (dirujuk)
Superitendent of Lands & Surveys, Bintulu v Nor Anak Nyawai & Ors [2006] 1 MLJ 256; [2005] 3 CLJ 555, MR (dirujuk)
Ong Ah Long v Dr S Underwood [1983] 2 MLJ 324; [1983] 2 CLJ 198; [1983] CLJ (Rep) 300, MP (refd)
Rawther v Abdul Kareem [1966] 2 MLJ 201, MP (dirujuk)
Rookes v Barnard [1964] AC 1129, HL (dirujuk)
Willians v Taylor [1829] 6 Bing 183 (dirujuk)

Undang-undang yang dirujuk

Akta Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997 s 27, 27(a)
Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1993 s 58(2)
Akta Tatacara Jenayah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997 ss 10, 10(2), 14(1), 103

Muhammad Rafique bin Rashid AM (Zainal bin Narudin, Mohamad Hafiz bin Mohamad Razman dan Nurmustanir bin Md Nor bersama-samanya) (The Law Practice of Rafique) bagi pihak plaintif.
Zureen Elina bt Hj Mohd Dom (Jabatan Peguam Negara) bagi pihak defendan.

Rosilah Yop H

RINGKASAN KES PLAINTIF

[1] Pada 10 Januari 2012 jam lebih kurang pukul 1.10 pagi, plaintif menerima panggilan dari Norfarini bt Kassim (kawan plaintif) tentang serbuan pihak penguatkuasa Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI) ke atas kuarters yang diduduki Norfarini bt Kassim bersama dengan seorang anak perempuan yang beralamat, Blok C1-T04-U04, Presint 15, Putrajaya (kuarters tersebut). Plaintif terus memandu kereta Perodua Viva bernombor plat BKD 7657 ke kuarters tersebut.

[2] Sesampainya plaintif di kuarters tersebut, plaintif mendapati sebuah van Toyota Hiace dan sebuah kereta Proton Waja milik JAWI telah berada di tempat menurunkan penumpang.

[3] Selepas itu, plaintif seterusnya memandu keretanya ke blok sebelah iaitu B2. Semasa berada dalam kereta tersebut, plaintif telah didatangi oleh defendan pertama, kedua, ketiga dan keempat. Defendan-defendan pertama

sehingga keempat tersebut telah menuduh plaintif berkhalwat dengan Norfarini bt Kassim sedangkan Norfarini berada di tingkat 4 Blok C1 pada waktu dan ketika itu.

[4] Pihak defendan pertama hingga keempat kemudiannya memaksa plaintif untuk naik ke atas rumah tersebut sambil menghamburkan kata-kata kesat terhadapnya. Di samping itu pihak defendan pertama hingga keempat juga telah menarik kedua-dua lengan plaintif dan menggunakan kekerasan fizikal untuk memaksa plaintif supaya naik ke atas rumah yang diduduki Norfarini.

[5] Selain itu, plaintif juga diseret keluar ke atas jalan raya oleh defendan pertama hingga keempat. Mereka juga menggunakan kayu dan senjata tajam terhadap plaintif selain mengetuk dinding dan cermin kereta plaintif menyebabkan tercalar dengan teruk.

[6] Plaintif pada ketika itu enggan menurut arahan defendan pertama hingga keempat dan oleh kerana itu, plaintif kemudiannya dihantar ke Balai Polis Putrajaya dalam keadaan tangan bergari dan dimasukkan ke dalam lokap dalam keadaan tercedera dan tanpa mengetahui sebab-sebab ditahan dan juga dituduh khalwat.

[7] Pada 10 Januari 2012, jam lebih kurang 1.30 petang, plaintif telah didakwa di Mahkamah Tinggi Syariah Putrajaya untuk satu pertuduhan berkhalwat di bawah s 27(a) Akta Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997. Defendan keenam dan ketujuh, di atas kapasiti mereka sebagai pendakwaraya syarie dan ketua pendakwaraya syarie, adalah pihak yang memulakan, menjalankan dan meneruskan prosiding pendakwaan terhadap plaintif.

[8] Selepas dari prosiding pada 10 Januari 2012 tersebut, pihak plaintif beberapa kali diperintahkan hadir ke Mahkamah Tinggi Syariah Putrajaya iaitu pada 16 Februari 2012, 29 Februari 2012, 21 Mei 2012, 26 September 2012, 7 November 2012 dan 3 Januari 2013, tetapi setiap kali hadir, kes tersebut akan ditangguhkan.

[9] Pada 3 Januari 2013, pihak Mahkamah Tinggi Syariah Putrajaya telah membatalkan pertuduhan terhadap plaintif kerana pihak pendakwaraya syarie memohon menarik balik pertuduhan tersebut dan tidak berniat untuk meneruskan pendakwaan terhadap plaintif.

[10] Plaintif telah mengalami beberapa kecederaan fizikal akibat daripada kekerasan defendan-defendan secara langsung, antaranya:

(a) *abrasion wound at right knee about 3x4cm;*

(b) *abrasion wound at left wrist 2cm;*

(c) *abrasion wound at left knee 1cm; dan*

(d) *soft tissue injury;*

[11] Plaintif juga telah dibatalkan perjanjian menduduki kuarters kerajaan di alamat Blok C1-T04-U04, Presint 15, Putrajaya. Selain itu, plaintif telah disenarai hitamkan untuk memohon kuarters yang lain selepas ini.

[12] Plaintif kerugian wang dan masa yang banyak untuk membayar khidmat peguam syarie serta menumpukan perhatiannya kepada kesnya di Mahkamah Tinggi Syariah Wilayah Persekutuan bagi menjawab pertuduhan khalwat yang pada akhirnya didapati tidak lain hanyalah satu pendakwaan berniat jahat (*malicious prosecution*) yang telah dikenakan terhadapnya.

[13] Justeru, plaintif menuntut terhadap defendan-defendan secara bersama dan berasingan untuk ganti rugi-ganti rugi seperti berikut:

(a) ganti rugi am;

(b) ganti rugi khas;

(c) ganti rugi teruk (*aggravated damages*);

(d) ganti rugi teladan (*exemplary damages*);

(e) ganti rugi untuk kesakitan dan kesengsaraan;

(f) faedah; dan

(g) kos

RINGKASAN KES DEFENDAN

[14] Defendan-defendan menafikan tuntutan plaintif dan menegaskan bahawa tindakan defendan pertama, kedua, ketiga dan keempat semasa tangkapan adalah sah di sisi undang-undang. Selanjutnya defendan-defendan menegaskan bahawa pendakwaan yang dijalankan oleh defendan keenam ke atas plaintif adalah sah di sisi undang-undang.

[15] Tangkapan telah dibuat atas maklumat yang diterima oleh pihak JAWI dimana terdapat satu pasangan yang bersekedudukan/berkhalwat di Blok C1-T04-U04, Presint 15, Putrajaya.

[16] Sebelum tangkapan dibuat, pemerhatian telah dijalankan pada 9 Februari 2012 oleh defendan pertama dan defendan keempat bersama seorang

lagi penguatkuasa di alamat yang dinyatakan. Hasil pemerhatian mendapati plaintif dan pasangan yang diadukan bernama Norfarini bersama seorang kanak-kanak perempuan dilihat menuju ke rumah yang diadukan pada jam lebih kurang 6.30 petang. Pada jam lebih kurang 9.30 malam, didapati plaintif keluar dari rumah tersebut dan kemudiannya memasuki rumah semula pada jam lebih kurang 11.30 malam.

[17] Hasil pemerhatian dan risikan dilaporkan kepada Ketua Operasi. Pada jam lebih kurang 12.30 pagi pada 10 Januari 2012, Ketua Operasi telah menyampaikan taklimat untuk menjalankan tindakan berhubung pemerhatian dan risikan yang dibuat.

[18] Defendan pertama, kedua, ketiga, keempat dan beberapa penguatkuasa agama yang lain telah pergi ke lokasi yang diarahkan pada jam lebih kurang 12.40 pagi. Setiba di alamat yang dinyatakan dalam maklumat di atas, pintu rumah diketuk. Setelah hampir setengah jam menunggu, pintu rumah telah dibuka oleh seorang perempuan yang kemudiannya dikenali sebagai Norfarini bt Kassim. Selepas memperkenalkan diri dan meminta izin untuk masuk ke rumah tersebut, penguatkuasa agama yang bertugas telah masuk untuk membuat pemeriksaan di alamat rumah tersebut.

[19] Semasa pemeriksaan dibuat, terdapat pas kerja tertulis nama 'Mohd Fakry' seutas jam tangan lelaki dan segugus kunci di atas meja di ruang tamu. Selain itu, beberapa helai pakaian lelaki dijumpai di bilik tidur utama rumah tersebut.

[20] Semasa ingin memasuki bilik tidur kedua, didapati bilik tersebut berkunci dari dalam. Apabila diarahkan, Norfarini mengambil masa yang lama untuk membuka pintu. Setelah pintu dibuka, didapati tingkap di bilik tidur tersebut dalam keadaan terbuka. Selain itu, didapati palang besi di luar rumah kelihatan bengkok. Defendan kedua terus turun ke bawah untuk mencari plaintif kerana mengesyaki beliau telah turun melalui tingkap yang terbuka tersebut. Setiba di luar lobi, defendan kedua melihat plaintif sedang memandu kereta Perodua Viva. Defendan kedua terus membuat isyarat tangan untuk memberhentikan kereta yang dipandu plaintif.

[21] Plaintif enggan turun dari kereta apabila diminta berbuat demikian. Kemudiannya defendan keempat yang tiba di situ telah membuka pintu di sebelah penumpang dan mendapati plaintif tidak memakai selipar/kasut. Selepas plaintif keluar dari kereta, beliau bertindak agresif menyebabkan berlaku pertengkaran. Plaintif telah menyerang defendan pertama dan cuba dileraikan oleh penguatkuasa agama yang lain sehingga menyebabkan plaintif dan defendan kedua yang berada berdekatan dengan plaintif terjatuh ke atas jalan raya.

[22] Selepas tangkapan dibuat ke atas plaintif, beliau dibawa ke Balai Polis Presint 7 Putrajaya. Norfarini pula dibawa ke pejabat Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan Putrajaya. plaintif dan Norfarini ditahan di bawah s 27 Akta Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997.

[23] Defendan-defendan menegaskan bahawa tangkapan yang dibuat adalah sebagaimana yang dibenarkan oleh undang-undang. Plaintif sendiri telah menggunakan kekerasan yang menentang usaha untuk menangkapnya.

[24] Pada 10 Januari 2012, plaintif telah didakwa di Mahkamah Tinggi Syariah Putrajaya untuk pertuduhan khalwat di bawah s 27(a) Akta Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997. Beberapa tarikh telah ditetapkan oleh Mahkamah Tinggi Syariah bagi mendengar dan menjalankan prosiding berhubung kes sebagaimana berikut:

(a) 16 Februari 2012 - plaintif melantik peguam. Mahkamah Tinggi Syariah menetapkan tarikh bicara pada 29 Mac 2012;

(b) 29 Mac 2012 - Perbicaraan ditangguhkan kerana pendakwa syarie bercuti disebabkan isteri bersalin;

(c) 21 Mei 2012 - Pihak pendakwaan menyerahkan senarai saksi pendakwa;

(d) 26 September 2012 - Peguam plaintif mohon penangguhan kerana ingin menghantar representasi kepada pihak pendakwaan untuk memohon pertimbangan agar pertuduhan ditarik balik;

(e) 7 November 2012 - Peguam plaintif memaklumkan Mahkamah Tinggi Syariah bahawa plaintif tidak menghantar representasi;

(f) 3 Januari 2013 - Pertuduhan terhadap plaintif ditarik balik.

[25] Keputusan pendakwa untuk menarik balik pertuduhan adalah selaras dengan undang-undang. Defendan-defendan tidak bertanggungan atas kesemua ganti rugi yang dituntut oleh plaintif.

ISU-ISU UNTUK DIBICARAKAN

[26] Isu-isu yang dipersetujui oleh kedua-dua pihak untuk dibicarakan adalah seperti di Lampiran E, menyatakan seperti berikut:

(1) Sama ada defendan-defendan dan/atau salah satu dari mereka telah menggunakan kekerasan yang tidak sewajarnya sebagai penguatkuasa agama serta melanggar peruntukan s 14(1) Akta Tatacara Jenayah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997 dalam membuat tangkapan terhadap plaintif.

(2) Sama ada plaintif telah menentang usaha untuk menangkapnya seterusnya defendan pertama, kedua, ketiga dan keempat telah melakukan langkah-langkah yang perlu untuk menangkapnya di bawah s 10(2) Akta Tatacara Jenayah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997.

(3) Sama ada tindakan defendan-defendan dalam menuduh dan mendakwa dan menarik balik pertuduhan memenuhi unsur-unsur pendakwaan berniat jahat (*malicious prosecution*).

(4) Sama ada defendan-defendan dan/atau salah satu darinya telah menyebabkan atau telah secara materialnya menyumbang kepada kecederaan-kecederaan, kehilangan, dan/atau ganti rugi yang dituntut oleh plaintif.

(5) Sama ada segala kerugian, kecederaan dan kehilangan yang didakwa dialami oleh plaintif disumbangkan secara keseluruhan atau secara substansial oleh perbuatan plaintif sendiri.

PENILAIAN DAN PENDAPAT MAHKAMAH

[27] Tuntutan plaintif terhadap defendan-defendan adalah untuk:

(a) ganti rugi am;

(b) ganti rugi khas;

(c) ganti rugi teruk (*aggravated damages*);

(d) ganti rugi teladan (*exemplary damages*);

(e) ganti rugi untuk kesakitan dan kesengsaraan;

(f) faedah; dan

(g) kos.

[28] Asas tuntutan plaintif ialah kerana defendan-defendan telah menggunakan kekerasan yang tidak wajar semasa membuat tangkapan ke atas plaintif. Akibat daripada itu, plaintif telah alami kecederaan dan kerugian. Juga pendakwaan ke atas plaintif di Mahkamah Tinggi Syariah merupakan pendakwaan berniat jahat (*malicious prosecution*).

[29] Intipati pembelaan defendan-defendan adalah bahawa tangkapan oleh defendan-defendan ke atas plaintif adalah wajar dan sah di sisi undang-undang. Selanjutnya pembelaan defendan adalah bahawa pendakwaan yang dijalankan ke atas plaintif oleh defendan keenam adalah sah di sisi undang-undang. Plaintif tidak berhak untuk menuntut sebarang ganti rugi daripada defendan-defendan.

ISU 1 DAN 2

[30] Adalah tidak dinafikan bahawa plaintif telah ditangkap oleh pihak defendan-defendan pada malam serbuan dibuat di Blok C1-T04-U04, Presint 15, Putrajaya.

[31] Plaintif menghujahkan yang defendan pertama hingga keempat telah melakukan kekerasan dan tindakan luar lazim semasa tangkapan dibuat ke atas plaintif dan tindakan tersebut melanggar peruntukan s 14(1) Akta Tatacara Jenayah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997 (Akta 560).

[32] Defendan-defendan pula menghujahkan bahawa defendan-defendan yang terlibat (defendan pertama hingga keempat) untuk melakukan tangkapan ke atas plaintif boleh menggunakan segala langkah yang perlu untuk melaksanakan tangkapan ke atas plaintif. Tindakan defendan pertama hingga keempat dalam melaksanakan tangkapan ke atas plaintif itu tidak terjumlah kepada kekerasan atau tindakan luar lazim. Tangkapan yang dibuat adalah sah seperti yang dibenarkan oleh undang-undang.

[33] Menurut keterangan SP1 (plaintif sendiri) semasa beliau masih berada di dalam kereta di kawasan lobi Blok B2, datang defendan pertama hingga keempat kepada beliau dan menuduh plaintif berkhalwat dengan SP5 (Norfarini bt Kassim). Sedangkan pada masa itu plaintif masih berada di dalam kereta Perodua Viva no plat BKD 7657 dan SP5 berada di tingkat 4 kuarters tersebut (tempat serbuan).

[34] Mengikut keterangan SP1 lagi, beliau kemudian dipaksa oleh defendan pertama hingga keempat untuk naik ke tingkat 4 dan plaintif enggan turutinya menyebabkan defendan pertama hingga keempat mula meninggikan suara.

[35] Keempat-empat defendan ini tidak memperkenalkan diri dan hanya berpakaian preman. Menurut SP1, mereka cuba menarik plaintif keluar dari kereta tetapi SP1 enggan keluar dari kereta kerana takut defendan-defendan akan mengenakan tuduhan khalwat ke atas plaintif.

[36] Plaintif enggan keluar dari kereta menyebabkan pergelutan berlaku di antara plaintif dengan defendan pertama hingga keempat. Plaintif ditarik keluar dari kereta dan berlaku pergelutan menyebabkan plaintif alami kecederaan fizikal. Mengikut keterangan plaintif lagi beliau telah diseret oleh defendan pertama hingga keempat di atas jalan raya dan plaintif alami kecederaan. Plaintif pula tidak cuba untuk melarikan diri dalam proses penangkapan ke atas beliau oleh defendan-defendan ini.

[37] Versi defendan-defendan pula melalui keterangan-keterangan defendan pertama hingga keempat yang terlibat dalam membuat serbuan dan tangkapan, plaintiflah orang yang bertindak agresif dan enggan memberi kerjasama kepada penguatkuasa agama (termasuk defendan pertama hingga keempat) yang sedang menjalankan tugas. Plaintif sendiri telah menggunakan kekerasan dan bertindak agresif dan mengugut defendan pertama hingga keempat dalam tindakan menentang usaha-usaha defendan pertama hingga keempat untuk menangkap beliau.

[38] Plaintif telah melakukan tindakan-tindakan berikut dalam usaha menentang tangkapan yang hendak dilaksanakan oleh defendan pertama hingga keempat.

(a) plaintif enggan turun dari kereta apabila diminta berbuat demikian;

(b) plaintif enggan beri kerjasama pada defendan pertama hingga keempat dalam menjalankan tugas mereka serta plaintif bertindak kasar pada defendan pertama hingga keempat;

(c) plaintif telah menyerang defendan pertama apabila plaintif keluar dari kereta secara dipaksa oleh defendan pertama hingga keempat, sehingga plaintif dan defendan kedua terjatuh semasa cuba dileraikan oleh defendan-defendan dan penguatkuasa agama yang lain. Plaintif juga telah mengeluarkan kata-kata ugutan kepada defendan pertama hingga keempat dan penguatkuasa agama lain yang terlibat di dalam serbuan tersebut menyebabkan defendan pertama hingga keempat menggunakan segala langkah perlu untuk melaksanakan tangkapan ke atas plaintif.

[39] Di dalam perbicaraan tindakan ini, saya dapati bahawa plaintif hanya kemukakan testimoni '*self-serving*' dari beliau sendiri bagi proses melaksanakan tangkapan ke atas beliau. Dalam keadaan seperti ini, dalam melaksanakan budi bicara mahkamah, maka testimoni tersebut perlu disokongkan oleh keterangan dari saksi-saksi plaintif yang lain atau dokumen-dokumen menyokong dari plaintif untuk memberi jaminan tentang kebolehpercayaan keterangan plaintif – lihat kes Mahkamah Rayuan, *Superitendent of Lands & Surveys, Bintulu v Nor Anak Nyawai & Ors* [2006] 1 MLJ 256; [2005] 3 CLJ 555.

[40] Tanpa keterangan yang disokongkan, manfaat keraguan harus diberikan kepada defendan-defendan.

[41] Pihak defendan telah kemukakan antaranya defendan pertama hingga keempat sebagai saksi. Keterangan defendan pertama, kedua, ketiga dan keempat saling sokong menyokong antara satu sama lain yang plaintif bertindak enggan keluar daripada kereta BKD 7657 dan enggan memberi

kerjasama apabila diminta oleh defendan pertama hingga keempat untuk keluar daripada kereta bagi mereka laksanakan tangkapan.

[42] Pihak defendan-defendan ada menarik plaintif keluar dari kereta dan apabila keluar dari kereta plaintif telah bertindak agresif dan menyerang defendan pertama dan dalam proses meleraikan penyerangan tersebut menyebabkan plaintif dan defendan kedua terjatuh ke atas jalan dan masa itu berlaku kecederaan kepada plaintif. Dalam proses untuk menangkap plaintif ini juga plaintif telah menjerit serta mengugut defendan-defendan.

[43] Plaintif mengatakan yang defendan-defendan tidak memperkenalkan diri dan plaintif tidak tahu siapa defendan pertama hingga keempat itu dan ini menyebabkan beliau bertindak agresif terhadap defendan pertama hingga keempat bagi melaksanakan tangkapan terhadap beliau. Walau bagaimanapun mengikut keterangan-keterangan defendan pertama hingga keempat yang menyokong antara satu sama lain, mereka ada memperkenalkan diri yang mereka adalah dari JAWI.

[44] Tidak ada sebab untuk mahkamah ini tidak mempercayai keterangan yang saling sokong menyokong di antara defendan pertama hingga keempat tersebut. Kredibiliti mereka tidak pernah dipersoalkan.

[45] Adakah defendan-defendan telah menggunakan tindakan kekerasan atau tindakan luar lazim untuk melaksanakan tangkapan ke atas plaintif?

[46] Di dalam kes House of Lords, *Ashley v Chief Constable of Sussex Police (Sherwood intervening)* [2008] 2 WLR 975 yang dirujuk di dalam kes *Ashby Construction Sdn Bhd v Bank Negara Malaysia* [2014] 5 CLJ 955, Lord Bingham menerangkan penggunaan kekerasan yang munasabah seperti berikut:

> The rights of one person, however, often run counter to the rights of others and the civil law, in particular the law of tort, must then strike a balance between the conflicting rights. Thus, for instance, the right of freedom of expression may conflict with the right of others not to be defamed. The rules and principles of the tort of defamation must strike the balance. The right not to be physically harmed by the actions of another may conflict with the rights of other people to engage in activities involving the possibility of accidentally causing harm. The balance between these conflicting rights must be struck by the rules and principles of the tort of negligence. As to assault and battery and self-defence, every person has the right in principle not to be subjected to physical harm by the intentional actions of another person. But every person has the right also to protect himself by using reasonable force to repel an attack ...

[47] Saya dapati dengan plaintif sendiri bertindak agresif semasa defendan pertama hingga keempat hendak melaksanakan tangkapan ke atas beliau dan beliau enggan bekerjasama walaupun dengan jelas defendan-defendan telah memperkenalkan yang mereka adalah daripada JAWI dengan pihak defendan-defendan menarik plaintif keluar daripada kereta beliau untuk melaksanakan tangkapan, saya berpendapat ini bukanlah merupakan kekerasan atau tindakan luar lazim malahan ia merupakan suatu tindakan yang munasabah dalam situasi plaintif yang agresif dan melawan.

[48] Pihak plaintif telah menghujahkan bahawa tindakan defendan-defendan telah melanggar peruntukan s 14(1) Akta Tatacara Jenayah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997 (Akta Tatacara Jenayah Syariah).

[49] Seksyen 14(1) Akta Tatacara Jenayah Syariah memperuntukkan seperti berikut:

> 14. Tidak boleh dikenakan sekatan yang tak perlu dan cara memeriksa seseorang.
>
> (1) Orang yang ditangkap tidaklah boleh dikenakan sekatan lebih daripada yang perlu bagi mencegahnya melarikan diri.

[50] Seksyen 14(1) ini merujuk kepada 'orang yang ditangkap' (*the person arrested*) yang bermakna orang yang hendak ditangkap itu telahpun ditangkap.

[51] Manakala di dalam tindakan ini, plaintif masih belum ditangkap lagi semasa plaintif mendakwa defendan pertama hingga keempat telah menggunakan kekerasan dan tindakan luar lazim ke atas beliau. Plaintif di dalam proses untuk ditangkap oleh pihak defendan dimana s 10 Akta Tatacara Jenayah Syariah terpakai.

[52] Saya dapati bahawa peruntukan s 14(1) Akta Tatacara Jenayah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997 tidak terpakai kepada defendan-defendan didalam keadaan ini.

[53] Dari keterangan-keterangan yang dikemukakan, saya dapati plaintif telah enggan bekerjasama dengan defendan-defendan, enggan keluar dari kereta bagi defendan-defendan untuk laksanakan tangkapan, menjerit-jerit dan mengugut defendan-defendan serta bertindak agresif terhadap defendan-defendan dimana defendan-defendan terpaksa menggunakan segala langkah perlu dengan menarik plaintif keluar daripada kereta beliau untuk melaksanakan tangkapan. Plaintif juga telah menggunakan kekerasan dengan menyerang defendan pertama apabila keluar dari kereta beliau sebelum beliau ditangkap oleh pihak defendan-defendan.

[54] Dengan itu saya dapati, defendan-defendan tidak melanggar apa-apa peruntukan terutamanya peruntukan s 10 Akta Tatacara Jenayah Syariah untuk melaksanakan tangkapan ke atas plaintif. Defendan-defendan telah melakukan langkah-langkah perlu untuk menangkap plaintif mengikut s 10 Akta Tatacara Jenayah Syariah tersebut.

Isu 3

[55] Adalah fakta yang dipersetujui bahawa pada 10 Januari 2012 jam lebih kurang 1.30 petang, plaintif telah didakwa di Mahkamah Tinggi Syariah Putrajaya untuk pertuduhan berkhalwat di bawah s 27(a) Akta Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997.

[56] Plaintif mengatakan tindakan defendan-defendan dalam menuduh dan mendakwa serta menarik balik pertuduhan terhadap plaintif merupakan pendakwaan berniat jahat (*malicious prosecution*).

[57] Defendan-defendan mengatakan pendakwaan tersebut telah mengikut peruntukan undang-undang yang sah dan plaintif gagal membuktikan elemen-elemen mengenai dengan pendakwaan berniat jahat.

UNDANG-UNDANG

[58] Mahkamah Persekutuan di dalam kes *Rawther v Abdul Kareem* [1966] 2 MLJ 201, telah menyenaraikan elemen-elemen pembuktian oleh plaintif untuk berjaya dalam tuntutan pendakwaan berniat jahat. Terdapat lima elemen untuk dibuktikan, kata Thomson LP, yang mana saya ringkaskan seperti berikut:

(a) the defendant must set the criminal in motion against the plaintiff;

(b) the criminal proceeding terminated in his favour;

(c) there was no reasonable and probable cause for preferring the charges against the plaintiff;

(d) the defendant was motivated by malice in doing so;

(e) the prosecution has caused damage to the plaintiff.

[59] Plaintif menghujahkan bahawa plaintif telah memenuhi kesemua elemen untuk pendakwaan berniat jahat seperti dinyatakan di atas. Plaintif telah merujuk kepada kes *Lim Chee Kuo v The Pacific Bank Bhd* [1997] MLJU 472; [1999] 1 CLJ 270 di mana elemen-elemen untuk pendakwaan berniat jahat adalah juga sama dengan kes *Rawther*.

[60] Defendan-defendan menghujahkan plaintif gagal untuk menunjukkan

pada mahkamah yang plaintif telah penuhi elemen-elemen yang diperlukan untuk membuktikan pendakwaan berniat jahat.

[61] Saya dapati, di dalam tindakan ini, tidak dipertikaikan malahan menjadi fakta yang dipersetujui bahawa plaintif telah dituduh berkhalwat mengikut s 27(a) Akta Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997 yang membangkitkan tuntutan ini.

[62] Juga tidak dipertikaikan yang pertuduhan tersebut telah ditarik balik oleh pihak pendakwa di mana pertuduhan jenayah itu ditamatkan dengan berpihak kepada plaintif.

[63] Berkenaan dengan elemen ketiga iaitu 'apa sebab yang munasabah dan memungkinkan' (*what is reasonable and probable*) akan bergantung kepada fakta tiap-tiap kes masing-masing (per Tindal CJ dalam kes *Willians v Taylor* [1829] 6 Bing 183. Lord Atkin dalam kes *Herniman v Smith* [1938] AC 305 pada ms 316 menyatakan berkenaan apa sebab yang munasabah dan memungkinkan' ini ialah '*whether there is a case fit to be tried*'. Manakala Lord Denning dalam kes *Glinski v Mciver* [1962] AC 726 pada ms 758 memutuskan bahawa pihak pendakwa '*has only to be satisfied that there is a proper case to lay before the court* ...'.

[64] Bagi semua definisi-definisi ini, saya akan mengingatkan diri saya bila menganalisa keterangan yang dikemukakan pada masa perbicaraan.

[65] Mengikut plaintif, pihak pendakwa gagal membina satu kes khalwat terhadap plaintif kerana antaranya plaintif tidak ditangkap kerana bersama-sama dengan Norfarini bt Kassim semasa serbuan dibuat oleh defendan-defendan. Tanpa adanya elemen berada bersama ini, maka kes khalwat terhadap plaintif tidak dapat diwujudkan. Maka dengan itu, pihak defendan-defendan telah berniat jahat dengan mendakwa plaintif di bawah s 27(a) Akta Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997.

[66] Pihak defendan mengatakan adalah atas budi bicara pihak pendakwa untuk mendakwa plaintif.

[67] Di dalam tindakan ini SP6 (pihak pendakwa syarie) mengatakan dakwaan khalwat ini dibuat ke atas plaintif kerana terdapat elemen-elemen dan keterangan qarinah (keterangan mengikut keadaan) yang mencukupi untuk satu pertuduhan khalwat dibuat ke atas plaintif. Menurut SP6 bukti-bukti qarinah telah dibawa kepada beliau dan juga keterangan-keterangan lisan dari anggota serbuan telah mencukupi untuk beliau kemukakan pertuduhan ke atas plaintif berlandaskan bukti-bukti yang ada padanya atas sebab yang manasabah dan memungkinkan. Keterangan-keterangan SP6 ini telah dicabar

oleh plaintif tetapi SP6 begitu konsisten semasa memberi keterangan dan keterangan beliau gagal dicabar oleh pihak plaintif.

[68] SD6 yang merupakan pendakwa syarie mendapati plaintif wajar dituduh di bawah s 27(a) Akta Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997. SD6 telah juga mendapat pandangan daripada ketua pendakwa syarie tentang kes berkenaan. Beliau telah mengkaji semula tuduhan terhadap plaintif dan memberi pandangan untuk tuduhan terhadap plaintif ditarik balik.

[69] Seksyen 103 Akta Tatacara Jenayah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997 memperuntukkan kuasa budi bicara ini kepada pihak pendakwa syarie untuk menarik balik pertuduhan.

[70] Seksyen 103 memperuntukkan:

(1) Pada mana-mana peringkat apa-apa perbicaraan, sebelum penghakiman diberikan, Pendakwa boleh, jika difikirkannya patut, memberitahu Mahkamah bahawa dia tidak bercadang untuk mendakwa tertuduh selanjutnya atas pertuduhan itu; dan sesudah itu semua prosiding atas pertuduhan itu terhadap tertuduh bolehlah digantung dengan kebenaran Mahkamah dan, jika digantung sedemikian, tertuduh hendaklah dilepaskan daripada pertuduhan itu.

[71] Manakala s 58(2)Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1993 memberi kuasa pada ketua pendakwa syarie untuk memulakan, menjalankan atau membuktikan apa-apa prosiding bagi kesalahan di hadapan Mahkamah Syariah. Dengan budi bicara yang ada pada pihak pendakwa, mereka telah menarik balik tuduhan khalwat terhadap plaintif.

Sama ada terdapat niat jahat (*malice*) bagi pertuduhan khalwat terhadap plaintif?

[72] Di dalam kes Mahkamah Rayuan, *Anne Lim Keng See v The New Straits Times Press (M) Bhd & Anor* [2008] 3 MLJ 492; [2008] 3 AMR 663 pada ms 684–690 (AMR) Mahkamah Rayuan menyatakan seperti berikut:

> What is malice? According to Osborn's Concise Law Dictionary (7th Ed) the word 'malice' means: Ill-will or evil motive: personal spite or ill-will is sometimes called actual malice, express malice, or malice in fact. In law an act is malicious if done intentionally without just cause or excuse. So long as a person believes in the truth of what he says and is not reckless, malice cannot be inferred from the fact that his belief is unreasonable, prejudiced or unfair *(Horrocks v Lowe* [1972] 1 WLR 1625*). Malice in the law of tort is a constituent of malicious prosecution, defamation, malicious falsehood, and conspiracy. But an act otherwise legal is not made wrongful by an*

improper motive (Mayor of Bradford v Pickles [1895] AC 587*)*.

[73] Dari keterangan yang dikemukakan oleh pihak plaintif, tidak ada iota keterangan yang menunjukkan bahawa pendakwaan ke atas plaintif adalah dengan niat jahat (*malice*) daripada pihak defendan-defendan.

[74] Dengan itu, apa-apa kerugian yang dialami oleh plaintif berbangkit dari pendakwaan tersebut tidak boleh dikatakan satu kerugian yang disebabkan oleh pihak defendan-defendan.

[75] Berdasarkan alasan-alasan di atas, saya dapati bahawa pihak defendan-defendan tidak bertindak mendakwa plaintif secara pendakwaan berniat jahat.

ISU 4 DAN 5

[76] Dari keterangan yang dikemukakan adalah dibuktikan yang plaintif mengalami kecederaan dalam proses defendan pertama hingga keempat melaksanakan tangkapan terhadap beliau. Dari alasan-alasan yang dinyatakan sebelum ini, bahawa kecederaan yang dialami oleh plaintif adalah atas tindakan plaintif yang tidak bekerjasama dan bertindak agresif ke atas defendan-defendan dalam proses defendan-defendan melaksanakan tangkapan ke atas plaintif dan defendan-defendan telah menggunakan langkah-langkah yang munasabah untuk menangkap plaintif. Maka saya berpandangan apa-apa kecederaan yang dialami oleh plaintif bukanlah merupakan sumbangan oleh perbuatan defendan-defendan kepada plaintif.

[77] Kecederaan-kecederaan tersebut telah berlaku atas perlakuan plaintif sendiri yang mana telah dibuktikan oleh defendan-defendan di dalam keterangan mereka yang disokong antara satu sama lain terutamanya keterangan defendan pertama hingga keempat.

[78] Maka saya dapati tidak ada apa-apa sumbangan liabiliiti daripada defendan-defendan yang menyebabkan kecederaan ke atas plaintif.

[79] Plaintif juga menuntut kerugian akibat perjanjian menduduki kuarters kerajaan di alamat Blok C1-T04-U04, Presint 15, Putrajaya dibatalkan dan telah disenarai hitamkan oleh Bahagian Pengurusan Hartanah Jabatan Perdana Menteri. Atas isu ini, saya dapati walaupun sebab pembatalan akibat dari maklumat tangkapan khalwat ke atas plaintif tetapi keputusan membatal dan menyenarai hitamkan ini dibuat oleh Bahagian Pengurusan Hartanah dan bukannya pihak JAWI. Justeru itu plaintif adalah tidak berhak untuk menuntut ganti rugi ini terhadap defendan-defendan.

[80] Plaintif juga menuntut untuk ganti rugi kerana mengalami trauma kerana tindakan luar lazim daripada defendan-defendan. Saya dapati tidak ada keterangan mengenai tuntutan ini dikemukakan ke mahkamah. Plaintif gagal buktikan tuntutan ganti rugi yang beliau alamai trauma ini.

[81] Plaintif seterusnya menuntut untuk ganti rugi kerana reputasi yang telah beliau bina selama ini telah hancur kerana tuduhan khalwat ini. Adakah plaintif seorang yang bereputasi berkaitan dengan tuduhan khalwat ini?

[82] Dari keterangan yang dikemukakan dan diakui oleh plaintif beliau telah pun pernah ditangkap dan dituduh berkhalwat dengan Nurfarini (dimana plaintif dituduh berkhalwat dengan orang yang sama juga berkaitan dengan tindakan ini) pada tahun 2009. Beliau mengaku salah dan membayar denda bagi pertuduhan khalwat bagi tahun 2009 tersebut. Sekali lagi pertuduhan khalwat dibuat terhadap beliau berkaitan dengan kes ini pada tahun 2012.

[83] Saya berpandangan dengan perbuatan khalwat pada tahun 2009 yang beliau akui dan sekali lagi beliau dituduh dengan perbuatan khalwat walaupun pertuduhan ditarik balik, maka saya berpandangan beliau adalah seorang yang tidak ada reputasi yang baik berkaitan dengan khalwat ini dengan itu beliau tidak wajar untuk diberi ganti rugi. Lagi pun tindakan defendan-defendan membuat tuduhan khalwat ke atas plaintif adalah berasas pada prinsip undang-undang yang sah maka saya dapati tidak ada meritnya untuk plaintif menuntut untuk kehilangan reputasi beliau di dalam tindakan ini.

[84] Plaintif menyatakan beliau kerugian wang dan masa yang banyak untuk membayar khidmat peguam syarie serta menumpukan perhatiannya kepada kesnya di Mahkamah Tinggi Syariah Wilayah Persekutuan bagi menjawab pertuduhan khalwat terhadapnya. Walau bagaimana pun saya dapati tindakan defendan membuat tuduhan khalwat ke atas plaintif adalah berlandaskan undang-undang, maka saya dapati adalah tidak berasas untuk plaintif menuntut terhadap plaintif untuk kerugian wang dan masa kerana pendakwaan yang dibuat ke atas plaintif dibuktikan bukanlah berniat jahat dan plaintif perlu hadir ke Mahkamah Syariah untuk menjawab tuduhan ke atas beliau.

[85] Plaintif juga menuntut untuk kos peguam syarie yang membela beliau di Mahkamah Syariah. Saya dapati tuntutan ini tidak diplidkan. Maka plaintif tidak boleh menuntut untuk perkara-perkara yang beliau tidak plidkan dan mahkamah juga tidak boleh memutuskan berkenaan perkara-perkara yang tidak diplidkan.

[86] Di dalam kes Mahkamah Agong, *Yew Wan Leong v Lai Kok Chye* [1990]

2 MLJ 152, ms 154, Gunn Chit Tuan SCJ dalam memberikan penghakimannya menyatakan:

> The court is not entitled to decide a suit on a matter on which no issue has been raised by the parties. It is not the duty of the court to make out a case for one of the parties when the party concerned does not raise or wish to raise the point.

[87] Plaintif juga menuntut untuk ganti rugi khas kerana kerosakan kepada kereta sebanyak RM4,000.

[88] Di dalam kes *Ong Ah Long v Dr S Underwood* [1983] 2 MLJ 324; [1983] 2 CLJ 198; [1983] CLJ (Rep) 300, mahkamah menyatakan '*It is well established principle that special damages in contrast to general damages have to be specifically pleaded and strictly proved. They are recoverable only where they can be included in the proper measure of damages and are not too remote*.' Plaintif tidak kemukakan sebarang bukti pembayaran untuk jumlah RM4,000 sebagai kos pembaikan kereta beliau. Saya dapati plaintif gagal buktikan tuntutan untuk ganti rugi kerosakan kereta ini.

[89] Bagi tuntutan plaintif bagi ganti rugi teladan, saya merujuk pada kes *Rookes v Barnard* [1964] AC 1129, Lord Devlin menyatakan yang salah satu kategori kes-kes di mana award untuk ganti rugi teladan diberikan bagi kes-kes yang melibatkan '*oppresive, arbitrary or unconstitutional action by the servant of the government*'. Saya dapati plaintif tidak alami kecederaan dari segi emosi dan mental serta kerugian akibat perbuatan defendan-defendan yang salah di sisi undang-undang. Jadi adalah tidak wajar untuk plaintif diawardkan dengan ganti rugi teladan.

[90] Bagi ganti rugi teruk, juga bermaksud untuk menghukum, kata Lord Diplock didalam kes *Cassell & Co Ltd v Broome & Another* [1972] AC 1027, saya dapati dengan keterangan yang dikemukakan di dalam kes ini, tidak ada sebab yang mewajarkan untuk mahkamah ini mengawardkan ganti rugi teruk kepada plaintif.

[91] Jadi berdasarkan pada semua alasan-alasan di atas, saya dapati plaintif gagal membuktikan tuntutannnya terhadap defendan-defendan. Dengan itu, tuntutan plaintif ditolak oleh mahkamah dengan kos sebanyak RM40,000.

Tuntutan ditolak dengan kos.

Dilaporkan oleh Afiq Mohamad Noor